

RLL 572

PROJEK PENYELIDIKAN SENI BINA LANDSKAP

JENIS-JENIS TANAMAN HERBA UBATAN

TEMPATAN DAN NILAI-NILAI PERUBATANNYA

DISEDIAKAN OLEH

NOR ANIZA HJ AHMAD SHAHIBUDDIN

PRM-0547

Disediakan untuk Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
sebagai sebahagian syarat penganugerahan

Sarjana Seni Bina Lanskap

MAC 2001

PERAKUAN

Projek penyelidikan ini disampaikan di dalam kajian ilmiah bagi memenuhi sebahagian syarat-syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Seni Bina Landskap, Universiti Sains Malaysia. Ia adalah hasil penyelidikan saya sendiri kecuali dinyatakan.

Projek penyelidikan ini belum pernah diserahkan dan diterima sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi memenuhi sebarang ijazah dan masa ini tidak dikemukakan untuk mana-mana ijazah lain.



Nor Aniza Binti Ahmad Shahibuddin.

Disahkan oleh:

.....
Prof. Madya Mohamed Talhah Idrus.

Penyelia Projek Penyelidikan

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang

Mac 2001

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Pertamanya, syukur kehadrat Allah swt atas segala nikmat-Nya dan memberikan kelapangan waktu untuk saya menyiapkan projek penyelidikan ini. Alhamdullilah! Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad saw.

Buat Professor Madya Mohamed Talhah Idrus selaku penyelia projek yang telah memberikan tunjuk-ajar sepanjang projek penyelidikan ini disiapkan, juga kepada pensyarah-pensyarah yang turut membantu. Buat Puan Sabariah sekeluarga di Kubang Kerian kerana memperkenalkan saya kepada ramai pengeluar ubat-ubatan tradisional di Kelantan, juga tidak dilupakan kepada penduduk-penduduk kampung yang telah sudi menerima kehadiran saya dikampung mereka. Kepada pekerja-pekerja di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Taman Pertanian Bukit Cherakah yang juga telah membantu saya dalam mendapatkan pelbagai maklumat tambahan. Ribuan ucapan terima kasih!

Buat papa dan mami – Datuk Hj Ahmad Shahibuddin dan Datin Hjh Siti Wardiah, terima kasih diatas segala dorongan yang telah dicurahkan. Jasa kalian akan sentiasa dikenang. Buat kakak-kakak, abang dan adik, terima kasih kerana menjadi peneman berbual dan bergurau. *We're the best brother and sisters in the world!* Tidak dilupakan anak-anak saudara yang menjadi penghibur diwaktu *tension* melanda – Ikhwan, Anum dan Ayuni, Siti Sarah dan Fatihah, salam sayang dari Cik Ja.

Buat teman-teman seperjuangan – Kak Lin, Kak Dinie, Gee dan Kimi, kita berjaya juga sampai keakhir perjuangan! Ribuan terima kasih diatas segala bantuan, sokongan moral dan yang penting sekali kerana mengingatkan saya bahawa saya tidak berseorangan. Buat adik-adik serumah yang sentiasa riuh-rendah dengan ketawa – Mc Ja, Nor, Ani, Jue dan Rita – terima kasih kerana menghilangkan rasa *tension* yang ada.

Akhirnya, terima kasih buat Pihak Penganguran Pelajaran MARA yang telah membantu mengurangkan bebanan tanggungan ibu bapa saya.

Terima Kasih!

PENGHARGAAN	i	
KANDUNGAN	ii	
SENARAI PETA	vi	
SENARAI JADUAL	vi	
SENARAI FOTO	vi	
SENARAI RAJAH	viii	
ABSTRAK	x	
<i>ABSTRACT</i>	xi	
1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Kepentingan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	7
1.4.1	Objektif Umum (Matlamat)	7
1.4.2	Objektif Khusus	7
2.0	KAJIAN KEPUSTAKAAN	8
2.1	Pengenalan	8
2.2	Tanaman Herba Ubatan	8
2.3	Perawatan Berasaskan Herba	10
2.3.1	Pengenalan	10
2.3.2	Sejarah Perkembangan Perawatan Berasaskan Herba	11
2.3.2.1	Zaman Batu Baru	11
2.3.2.2	Egypt	13
2.3.2.3	Greek dan Rom	14
2.3.2.4	Tamaddun Islam	18
2.3.3	Perawatan Tradisional di Malaysia	20
2.3.4	Pengamal Perawatan Berasaskan Herba	23
2.3.5	Morfologi Tumbuh-tumbuhan	26

2.3.5.1	Akar	27
2.3.5.2	Daun	28
2.3.5.2	Batang	31
2.3.5.4	Bunga dan Buah	32
2.4	Rumusan	36
3.0	METODOLOGI	37
3.1	Rekabentuk Kajian	37
3.2	Lokasi Kajian	37
3.3	Pengumpulan Maklumat	39
3.4	Parameter Maklumat	39
3.5	Limitasi Kajian	40
4.0	PENEMUAN	41
4.1	<i>Allium sativum</i> (Bawang Putih)	47
4.2	<i>Aloe vera Barbadensis</i> (Lidah Buaya)	49
4.3	<i>Alpinia conchigera</i> (Lengkuas Ranting)	51
4.4	<i>Alpinia galanga</i> (Lengkuas)	53
4.5	<i>Anarcardium occidentale</i> (Gajus)	55
4.6	<i>Andrographis paniculata</i> (Hempedu Bumi)	57
4.7	<i>Ardisia crenata</i> (Mata Ayam)	59
4.8	<i>Averrhoa belimbi</i> (Belimbing Buluh)	61
4.9	<i>Blumea balsamifera</i> (Sembong)	64
4.10	<i>Carica papaya</i> (Betik)	66
4.11	<i>Cocos nucifera</i> (Kelapa)	68
4.12	<i>Coleus amboinicus</i> (Hati-hati)	69
4.13	<i>Coleus blumei</i> (Ati-ati)	70
4.14	<i>Costus speciosus</i> (Setawar)	72
4.15	<i>Curcuma domestica</i> (Kunyit)	74
4.16	<i>Cymbopogon nardus</i> (Serai Wangi)	76
4.17	<i>Eugenia aromatica</i> (Cengkoh)	77

4.18	<i>Eurycoma longifolia</i> (Tongkat Ali)	78
4.19	<i>Helminthostachys zeylanica</i> (Akar Tunjuk Langit)	80
4.20	<i>Hibiscus rosa-sinensis</i> (Bunga Raya)	81
4.21	<i>Hydrocotyle asiatica</i> (Pegaga)	83
4.22	<i>Impatiens balsamina</i> (Keembung)	86
4.23	<i>Jasminum sambac</i> (Melati)	88
4.24	<i>Jatropha gossypifolia</i> (Jarak Belanda)	89
4.25	<i>Kaempferia galanga</i> (Cekur)	90
4.26	<i>Labisia pumila</i> (Kacip Fatimah)	92
4.27	<i>Lantana camara</i> (Bunga Tahi Ayam)	94
4.28	<i>Lawsonia inermis</i> (Inai)	95
4.29	<i>Leucaena glauca</i> (Petai Belalang)	97
4.30	<i>Melastoma malabathricum</i> (Senduduk)	99
4.31	<i>Melaleuca alternifolia</i> (Pokok Tea)	100
4.32	<i>Melia azedarach</i> (Mindi Kecil)	102
4.33	<i>Mentha arvensis</i> (Pudina)	104
4.34	<i>Morinda citrifolia</i> (Mengkudu)	106
4.35	<i>Myristica fragrans</i> (Pala)	108
4.36	<i>Neptunia oleracea</i> (Keman Air)	110
4.37	<i>Ocimum basilicum</i> (Selasih)	111
4.38	<i>Orthosiphon stamineus</i> (Misai Kucing)	113
4.39	<i>Parkia speciosa</i> (Petai)	115
4.40	<i>Phaemeria speciosa</i> (Kantan)	117
4.41	<i>Physalis minima</i> (Letup-letup)	118
4.42	<i>Piper sarmentosum</i> (Kadok)	120
4.43	<i>Phyllanthus niruri</i> (Dukung Anak)	122
4.44	<i>Pogostemon cablin</i> (Nilam)	123
4.45	<i>Psidium guajava</i> (Jambu Batu)	124
4.46	<i>Ricinus communis</i> (Jarak Besar)	126
4.47	<i>Sesbania grandiflora</i> (Turi)	128
4.48	<i>Solanum nigrum</i> (Terung Meranti)	130
4.49	<i>Tamarindus indica</i> (Asam Jawa)	131

4.50	<i>Vinca rosea</i> (Kemunting Cina)	133
4.51	<i>Vitex negundo</i> (Lenggudi)	135
4.52	<i>Zingiber officinale</i> (Halia)	137
4.53	Rumusan	139
5.0	PERBINCANGAN DAN CADANGAN	140
5.1	Pengurusan Sumber-sumber Tanaman Herba Ubatan	140
5.2	Pengenalan Tanaman Herba Ubatan Menggunakan Rekabentuk Seni Bina Landskap	142
5.2.1	Taman Dapur (<i>Kitchen Garden</i>)	144
5.2.2	Taman Terapeutik dan Penyembuhan (<i>Therapeutic and Healing Garden</i>)	145
5.23	Taman Tema atau Taman Hiburan	146
5.3	Pengunjung atau Pengguna	147
6.0	KESIMPULAN	149
	RUJUKAN	151

SENARAI PETA

Peta 3.1	Lokasi Umum Kajian	37
Peta 3.2	Lokasi Umum Kajian Secara Terpeinci	38

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1	Jenis-jenis tanaman herba ubatan	44
Jadual 4.1(samb.)	Jenis-jenis tanaman herba ubatan	45
Jadual 4.1(samb.)	Jenis-jenis tanaman herba ubatan	46

SENARAI FOTO

Foto 4.1	Bawang Putih	48
Foto 4.2	Pokok Lidah Buaya	50
Foto 4.6(a)	Daun Hempedu Bumi	58
Foto 4.6(b)	Buah Hempedu Bumi	58
Foto 4.6(c)	Bunga Hempedu Bumi	58
Foto 4.8(a)	Buah Belimbing Buluh yang tumbuh secara berkelompok	62
Foto 4.8(b)	Buah Belimbing Buluh	62
Foto 4.9(a)	Bunga Pokok Sembong	65
Foto 4.9(b)	Daun Pokok Sembong	65
Foto 4.18(a)	Bunga Tongkat Ali	79
Foto 4.18(b)	Daun Tongkat Ali	79
Foto 4.18(c)	Buah Tongkat Ali	79
Foto 4.21	Daun Pegaga	84
Foto 4.24(a)	Buah Jarak Belanda	89
Foto 4.24(b)	Getah Jarak Belanda	89

Foto 4.25	Daun dan rizom cekur yang digunakan dalam perawatan	91
Foto 4.26(a)	Buah Kacip Fatimah	93
Foto 4.26(b)	Bunga Kacip Fatimah	93
Foto 4.26(c)	Daun Kacip Fatimah	93
Foto 4.34	Buah Mengkudu	107
Foto 4.37	Daun Pokok Selasih	112
Foto 4.38(a)	Bunga Misai Kucing	114
Foto 4.38(b)	Daun Misai Kucing	114

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Hippocrates (468 S.M. – 377 S.M.)	15
Rajah 2.2	Teori Keseimbangan Galen	17
Rajah 2.3	Muka hadapan Kitab <i>al-jami 'li-mufradat al-adwiyah wa-al-aghdhiyah wa-al-aghdhiyah</i> (<i>The Comprehensive Book on Materia Medica and Foodstuffs</i>) oleh Ibn al-Baytar (1248 M/646 H)	19
Rajah 2.4	Pengaruh Islam dari China ke Tanah Melayu	21
Rajah 2.5	Struktur asas tumbuhan	26
Rajah 2.6	Jenis-jenis Akar	27
Rajah 2.7	Bahagian Daun	28
Rajah 2.8	Bentuk Daun Ringkas	29
Rajah 2.9	Bentuk Daun Komposit	30
Rajah 2.10	Bentuk Batang	31
Rajah 2.11	Ubahan Batang	32
Rajah 2.12	Bahagian-bahagian Bunga	33
Rajah 2.13	Pembentukan Bunga	33
Rajah 2.13(samb)	Pembentukan Bunga	34
Rajah 2.14	Buah Ringkas	35
Rajah 2.15	Ubahan Buah	35
Rajah 4.3	Lakaran Lengkuas Ranting	52
Rajah 4.4	Lakaran Lengkuas	54
Rajah 4.5	Lakaran Gajus	56
Rajah 4.7	Lakaran Mata Ayam	60
Rajah 4.8	Lakaran Belimbing Buluh	63
Rajah 4.10	Lakaran Betik	67
Rajah 4.13	Lakaran Ati-ati	71
Rajah 4.14	Lakaran Setawar	73

Rajah 4.15	Lakaran Kunyit	75
Rajah 4.20	Lakaran Bunga Raya	82
Rajah 4.21	Lakaran Pegaga	85
Rajah 4.22	Lakaran Keembung	87
Rajah 4.28	Lakaran Inai	96
Rajah 4.29	Lakaran Petai Belalang	98
Rajah 4.32	Lakaran Mindi Kecil	103
Rajah 4.33	Lakaran Pudina	105
Rajah 4.35	Lakaran Pala	109
Rajah 4.37	Lakaran Selasih	112
Rajah 4.39	Lakaran Petai	116
Rajah 4.41	Lakaran Letup-letup	119
Rajah 4.42	Lakaran Daun Kadok	121
Rajah 4.45	Lakaran Jambu Batu	125
Rajah 4.46	Lakaran Jarak Besar	127
Rajah 4.47	Lakaran Pokok Turi	129
Rajah 4.49	Lakaran Asam Jawa	132
Rajah 4.50	Lakaran Kemunting Cina	134
Rajah 4.51	Lakaran Lenggudi	136
Rajah 4.52	Lakaran Halia		138

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini telah di jalankan di beberapa buah perkampungan di Negeri Kelantan Darulnaim yang telah dikenalpasti sebagai lokasi pengeluaran dan penghasilan pelbagai ubat-ubatan tradisional seperti pil, kapsul dan minyak seperti Kampung Jelawat, Kampung Kota, Bachok, Kubang Kerian serta sekitar bandar Kota Bharu. Projek penyelidikan ini dijalankan untuk menghasilkan suatu dokumentasi berkaitan jenis-jenis tanaman herba ubatan yang digunakan dan biasa ditemui serta nilai-nilai perubatannya.

Terdapat pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan daripada pelbagai spesies berbeza di dalam dunia ini. Setiap satu daripada spesies-spesies ini mempunyai keistimewaan tertentu yang berbeza samada dari segi bentuk, warna, serta ciri-ciri lain termasuk nilai perubatan. Tanaman-tanaman ubatan yang disenaraikan di dalam penemuan adalah merupakan senarai 52 jenis tanaman herba ubatan yang biasa ditemui dipersekutaran kita samada sebagai semak samun, tanaman hiasan atau perencah dalam masakan, yang mempunyai pelbagai nilai perubatan yang tinggi.

Semoga projek penyelidikan ini sedikit sebanyak akan dapat menyumbang kepada pertambahan pengetahuan berkaitan tanaman-tanaman herba ubatan serta pelbagai nilai perubatannya yang tinggi terutama kepada masyarakat kita hari ini.

ABSTRACT

This research was conducted in several villages in Kelantan, that has been identified as the location for producing various traditional medicines such as pills, capsules and ointment. The villages are Kampung Jelawat, Kampung Kota, Bachok, Kubang Kerian and several areas in Kota Bharu. The purpose of this research is to produce a documentation on various kind of medicinal plants that had been used and easily found, and the medicinal values of each plants.

There are various kind of plants from different species in the world today. Each one of the species had its own values that is different from one another either by shape, colour or others including medicinal values. Plants list documented in the findings are a list of 52 medicinal plants with high medicinal values that are easily found around us either as weeds, ornament or as part of the cooking ingredient.

The findings of this research aim to contribute to the accumulation of information on medicinal plants and its various medicinal values especially to our community today.

1.0 Pendahuluan

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Projek penyelidikan ini akan mencadangkan suatu bentuk pengumpulan maklumat teratur berkaitan jenis-jenis tanaman herba ubatan tempatan yang sering ditemui serta nilai-nilai perubatan yang telah ditemui daripada tanaman-tanaman tersebut. Selain itu, ia akan menyentuh sejarah perkembangan perawatan berasaskan herba serta perkaitannya dengan perkembangan perawatan berasaskan herba dinegara kita serta pengamal-pengamalnya. Penerapan penggunaan tanaman herba ubatan di dalam pelandskapan pada hari ini juga akan turut dibincangkan bagi mengenengahkan tanaman herba ubatan ini kepada masyarakat. Ramai beranggapan, tumbuh-tumbuhan yang hidup atau tumbuh melata, menyemakkan dan tidak mempunyai sebarang manfaat tersendiri sedangkan setiap sesuatu kejadian Tuhan itu pasti ada gunanya kepada manusia. Rahsia tumbuhan di alam ini masih banyak lagi yang tidak diketahui walaupun masyarakat dahulu sudah menggunakan bertahun-tahun sebagai pelbagai penawar penyakit.

Bagi generasi kini, tumbuh-tumbuhan ini sekadar dilihat sebagai tanaman penghias atau beranggapan tumbuh-tumbuhan yang tumbuh melata ini sebagai semak samun sahaja. Tidak diketahui nama apalagi khasiatnya. Mereka mungkin biasa melihat tumbuh-tumbuhan ini dijadikan ulam, tanaman hiasan atau sekadar semak samun ditepi jalan tetapi tidak mengetahui dengan lebih mendalam lagi, sedangkan pengkaji tumbuh-tumbuhan bukan sahaja mengetahui namanya malah khasiat serta nilai perubatannya juga turut berjaya dibongkar. Perkembangan pesat dunia sains secara global telah

menyaksikan pelbagai penyelidikan dibuat pada tumbuh-tumbuhan ini. Jika masyarakat dulu menggunakan tumbuh-tumbuhan ini dalam kehidupan sehari-hari, kini tumbuh-tumbuhan ini telah dieksplorasikan sebagai salah satu ramuan penting di dalam produk-produk kesihatan. Berdasarkan maklumat yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), dianggarkan sekurang-kurangnya 80% daripada populasi penduduk Dunia Ketiga pada hari ini kebanyakannya masih bergantung kepada perubatan tradisional, yang menggunakan pelbagai tanaman herba ubatan dalam penjagaan kesihatan mereka¹.

Penyelidikan di Barat telah mendapati, tumbuh-tumbuhan tropika dan rempah-ratus bukan sahaja bernilai estetika malah ia boleh merawat pelbagai jenis penyakit. Sebagai contoh, penemuan sebatian antikanser daripada beberapa spesies tumbuh-tumbuhan hutan tropika oleh seorang penyelidik tempatan, Profesor Madya Dr Azimahtol Hawariah Lope Pihie, daripada Jabatan Biokimia, Fakulti Sains Hayat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), telah berjaya membuktikan bahawa bahan daripada tumbuh-tumbuhan tropika juga mempunyai khasiat dan nilai perubatan yang tinggi termasuk sebagai agen antikanser². Berdasarkan kepada alasan inilah, usaha ke arah menghasilkan data saintifik adalah sesuatu yang perlu diberikan penekanan dalam mengetengahkan tanaman herba sebagai suatu alternatif agen perawatan penyakit dan mewujudkan kesedaran masyarakat terhadap potensi tanaman ini.

¹ Platel, K. & K. Srinivasan. (1997). *Plant foods in the management of diabetes mellitus : vegetables as potential hypoglycaemic agents*. Nahrung 41, Nr. 2 : S.68 – 74

² Suraiya Mohd Nor. (1999). *Tumbuhan Tropika Penawar Penyakit*. Majalah Jelita. Bil. 274. Jun 1999.

Terdapat sekurang-kurangnya 250,000 spesies tumbuhan berbunga di dalam dunia ini dan hampir 150,000 daripadanya ditemui di kawasan tropika. Di kawasan Asia Tenggara sahaja, terdapat 35,000 spesies tumbuhan berbunga dan 8,000 daripada spesies tersebut ditemui di Malaysia. Sehingga hari ini, sekurang-kurangnya 654 spesies tumbuhan berbunga dilaporkan sebagai endemik kepada Malaysia. Walau bagaimanapun, sebanyak 343 daripada spesies endemik ini telah dikategorikan sebagai hampir pupus, kesan daripada keghairahan manusia yang meneroka hutan-hutan semulajadi untuk tujuan mengejar keuntungan hasil daripada industri, dan semuanya adalah atas nama pembangunan untuk kepentingan manusia. Di kawasan tropika, sejumlah kira-kira 6,000 spesies tumbuhan berbunga telah dilaporkan mempunyai nilai perubatan yang tersendiri. Namun begitu, hanya sejumlah 1,230 spesies iaitu 8% daripada tumbuhan di negara kita dikatakan mempunyai nilai perubatan dan telah digunakan sejak turun temurun sebagai ramuan di dalam sediaan ubat herba tradisional³. Kajian saintifik telah menjadi penyumbang utama terhadap kebenaran berkaitan tumbuh-tumbuhan sebagai sumber ubatan dan ini terbukti berdasarkan peratusan yang besar, iaitu sekitar 60%, daripada ubat-ubatan yang berada di dalam pasaran pada hari ini adalah diperolehi daripada sumber tumbuh-tumbuhan.

Perubatan moden pada hari ini adalah berevolusi daripada pengetahuan saintifik yang terhasil dari perubatan tradisional. Banyak sumber semulajadi, dalam bentuk tumbuhan dan haiwan, telah dikenalpasti dan digunakan dalam perubatan tradisional. Pada zaman dahulu kala, kebanyakan ilmu pengetahuan telah diperolehi apabila bahagian-bahagian tumbuhan seperti daun, batang, bunga, kulit dan akar digunakan sebagai makanan dan

³ Soepadmo, E. (1999). *Botanical Study of Malaysian Medicinal Plants* FRIM.

ubatan. Terdapat juga kadang kala, perilaku haiwan turut diperhatikan untuk menentukan samada sesetengah tumbuhan tertentu beracun atau tidak. Daripada pengalaman yang diperolehi ini, manusia telah boleh mengenalpasti dan menentukan kegunaan pelbagai jenis tumbuhan. Tanpa doktor atau pakar perubatan, sejak berkurun-kurun lamanya, manusia sudah pandai menggunakan bermacam-macam khasiat daripada alam. Daripada pengalaman yang ada, mereka belajar menggunakan buah yang menghasilkan minuman yang menyegarkan, daun mana yang boleh menyembuhkan, serta akar apa yang boleh dijadikan penawar. Sebagai contoh, limau sudah digunakan berabad-abad lamanya untuk membersihkan kulit kepala, mewangiakan rambut, menghilangkan bau kurang enak pada badan, selain menambah kelazatan dan mengharumkan hidangan. Pada hari ini, telah terdapat suatu kesedaran di kalangan masyarakat Malaysia untuk menghidupkan kembali penggunaan tumbuhan herba tempatan sebagai sebahagian kebudayaan Malaysia.

Oleh itu, adalah penting suatu bentuk kompilasi maklumat yang teratur dan tersusun berkaitan jenis-jenis tanaman herba ubatan tempatan dan nilai perbatannya disediakan. Melalui pengumpulan maklumat secara teratur ini mungkin dapat membangkitkan kesedaran masyarakat tentang potensi tumbuh-tumbuhan tempatan yang berkurangan kerana ketiadaan maklumat terperinci berkaitannya, sebagaimana yang diamalkan oleh masyarakat Cina atau India.

1.2 Pernyataan Masalah

Kebanyakan tumbuh-tumbuhan herba ubatan tidak popular dikalangan masyarakat bandar berbanding dengan masyarakat desa. Mereka lebih selesa menggunakan ubatan yang dicadangkan oleh doktor atau ahli farmasi yang terlatih. Ini adalah berdasarkan kepada kajian *National Health and Morbidity* pada tahun 1996 di negara kita, didapati bahawa hanya sebanyak 3.1% daripada populasi sampel masyarakat bandar yang telah menggunakan perawatan tradisional⁴. Selain itu, masyarakat hari ini, kurang menyedari kewujudan tumbuh-tumbuhan ubatan di dalam persekitaran mereka walaupun tumbuh-tumbuhan ini wujud ditempat-tempat yang tidak diduga, serta kerana kebanyakannya bukanlah sebahagian daripada senario biasa yang dapat dilihat ditaman-taman sebagai sebahagian penyumbang hiasan landskap⁵. Sebaliknya ia hanya menjadi sebahagian dari semak samun yang dibuang apabila persekitaran mulai semak kerana penekanan yang lebih terhadap nilai estetik berbanding nilai perubatan sesuatu tumbuh-tumbuhan. Ini menjadi sebahagian faktor penyumbang kepada kurangnya pengetahuan dan kesedaran masyarakat tentang kewujudan serta nilai perubatan yang ada pada tumbuh-tumbuhan ubatan ini. Kurangnya penekanan terhadap penggunaan tumbuh-tumbuhan ubatan ini sebagai perawatan awal penyakit turut menjadi faktor penyumbang kekurangan pengetahuan dan kesedaran masyarakat.

Berikut daripada permasalahan ini, saya akan membuat kajian yang akan memberi tumpuan kepada perkembangan dan pengaruh perawatan berasaskan tanaman herba

⁴ Zakiah, I. (1999). *Towards the Integration of Traditional & Complementary Medicine*. FRIM

⁵ Nik Ismail Azlan (1999) *Marketing of Medicinal Plants Using Landscape Architectural Design*. FRIM.

ubatan, pendokumentasian jenis-jenis tanaman herba ubatan tempatan serta nilai-nilai perubatannya selain penerapan penggunaannya di dalam pelandskapan sedia ada.

1.3 Kepentingan Kajian

Penggunaan tumbuh-tumbuhan sebagai suatu sumber kepada manusia telah bermula sejak dahulu lagi. Umpamanya, perahan air limau telah digunakan oleh masyarakat kampung sejak dahulu lagi untuk melegakan sakit kepala tetapi perlu diambil selepas makan untuk mengelakkan sakit kepala bertambah dan mendapat gastrik selain tembikai yang yang digunakan untuk melawaskan proses pembuangan air seseorang. Pelbagai kegunaan dan khasiat daripada tumbuh-tumbuhan ini telah diperolehi oleh manusia samada secara sendiri atau melalui penemuan melalui pemerhatian tingkah laku haiwan. Masyarakat hari ini kurang memberikan penekanan terhadap warisan ini samada untuk mewarisi ilmu pengetahuan daripada ibu bapa mahupun pengamal perubatan tradisional yang ada. Ini akan membawa kepada kehilangan ilmu pengetahuan tentang tumbuh-tumbuhan yang membawa potensi yang besar kepada kita.

Kajian ini akan menumpu kepada tanaman-tanaman herba ubatan tempatan yang biasa ditemui dan mudah untuk dikenali. Pendekatan yang digunakan adalah melalui cara pemerhatian, tinjauan dan temuramah bebas bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Secara tidak langsung, kajian seumpama ini dapat mengekalkan ilmu pengetahuan berkaitan tumbuh-tumbuhan tempatan yang ada serta nama-nama tempatan yang mungkin berlainan antara daerah atau negeri. Diharap dengan kajian ini akan membuka peluang pendedahan kepada masyarakat terutama golongan muda

untuk lebih mengenali tumbuhan yang ada dipersekutuan mereka. Ia juga diharap akan turut menyumbang kepada sumber-sumber pengetahuan berkaitan tanaman herba ubatan tempatan kita yang masih berkurangan terutama di dalam bidang berkaitan landskap selain turut membuka peluang mendidik masyarakat supaya menanam tumbuh-tumbuhan ini di halaman rumah sebagai suatu gedung ubatan sendiri.

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Objektif Umum (Matlamat)

Untuk mencadangkan suatu pengumpulan maklumat berkaitan jenis-jenis tanaman herba ubatan tempatan yang sering ditemui serta nilai-nilai perubatan yang telah ditemui daripada tanaman-tanaman tersebut. Adalah diharapkan kajian ini akan dapat menyumbang kepada jenis-jenis tanaman ubatan yang boleh ditanam dan boleh membawa manfaat kepada sesuatu pelandscape yang dibuat.

1.4.2 Objektif Khusus

1. Mengenal pasti spesies-spesies tanaman herba ubatan tempatan yang sering didapati.
2. Mengkaji nilai-nilai perubatan tanaman herba ubatan yang telah dikenal pasti.
3. Mengenal pasti nama-nama panggilan tempatan serta nama seragam bagi tanaman herba ubatan.
4. Mencadangkan penggunaan tanaman herba ubatan di dalam pelandscape.

2.0 Kajian Kepustakaan

2.0 KAJIAN KEPUSTAKAAN

2.1 Pengenalan

Kajian kepustakaan ini akan mengenengahkan beberapa bahagian utama berkaitan tanaman herba ubatan. Definisi tanaman herba ubatan bersama definisi yang digunakan di dalam keseluruhan projek penyelidikan akan dinyatakan selain sejarah perkembangan perawatan berdasarkan herba mengikut peringkat zaman tertentu seperti Zaman Greek dan Rom juga Tamaddun Islam serta perkaitannya dengan amalan yang dipraktikkan oleh masyarakat setempat dinegara kita pada hari ini. Ia juga akan menyentuh tentang pengamal-pengamal perawatan berdasarkan herba serta sedikit pengenalan berkaitan morfologi tumbuh-tumbuhan untuk memudahkan pengecaman tanaman herba ubatan di dalam bab yang selanjutnya iaitu bahagian penemuan.

2.2 Tanaman Herba Ubatan

Terdapat pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan daripada pelbagai spesies berbeza di dalam dunia ini. Setiap satu daripada spesies-spesies ini mempunyai keistimewaan tertentu yang berbeza-beza samada dari segi bentuk, warna, serta ciri-ciri lain termasuk nilai-nilai perubatan. Lebih kurang 1,200 spesies iaitu 8% daripada tumbuhan dinegara ini dikatakan mempunyai nilai perubatan dan telah digunakan sejak turun temurun sebagai ramuan di dalam sediaan ubat herba tradisional⁶. Sebahagian daripada sediaan ubat

⁶ Ibid.

herba tradisional ini, telah diproses dan dijual dalam bentuk yang menyerupai sediaan farmaseutik dalam bentuk krim, pil dan kapsul.

Suatu definisi yang menyeluruh berkaitan ubatan daripada herba adalah seperti berikut ;

'... medicinal products that contain as active ingredients aerial or underground part or parts of plants, or other plant material, or combinations thereof, whether in crude state or as plant preparations. Plant material includes juices, gums, fatty oils, essential oils, and any other substances of this nature...'.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)⁷.

Tanaman herba ubatan juga didefinisikan secara umumnya sebagai **tumbuhan, bahagian-bahagian tumbuhan, atau ekstrak tumbuhan yang digunakan untuk tujuan perubatan** (*Herb Trade Association*, 1976).

Definisi kedua ini merupakan definisi yang menjadi asas bagi keseluruhan projek penyelidikan ini terutama bagi jenis-jenis tanaman herba ubatan yang disenaraikan di dalam penemuan pada bahagian seterusnya.

⁷

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Guidelines for the Assessment of Herbal Medicine, 1991, HerbalGram, m/s 17)

2.3 PERAWATAN BERASASKAN HERBA

2.3.1 Pengenalan

Perawatan berasaskan herba adalah merupakan suatu bentuk perawatan tertua yang diketahui⁸. Walaupun kemungkinan bahawa urutan adalah satu bentuk perawatan yang lebih lama berbanding perawatan berasaskan herba kerana ia merupakan suatu tindak balas semulajadi manusia apabila mengalami kesakitan, namun daripada bukti arkeologi dan antropologi, terbukti bahawa masyarakat zaman purba kala juga telah mempergunakan tumbuh-tumbuhan disekeliling mereka untuk merawat pelbagai penyakit yang dihidapi. Ikatan yang kuat antara masyarakat purba kala dengan alam, mungkin telah membolehkan mereka berkomunikasi dengan tumbuh-tumbuhan ini melalui cara-cara tertentu seperti bertafakur, upacara pemujaan serta perayaan, dan lain-lain untuk membolehkan mereka mendalamai kegunaan terapeutik tumbuh-tumbuhan tersebut.

Perkembangan perawatan berasaskan herba yang turut bermula sejak sejarah awal manusia mula direkodkan merupakan suatu jangkamasa yang panjang dan jelas menunjukkan pengaruh besar yang dimainkannya dalam kehidupan seharian kita.

⁸ Cabrera, Chanchal. The History of Western Herbal Medicine dalam http://www.gaiagarden.com/articles/history_herbal_medicine.html

2.3.2 Sejarah Perkembangan Perawatan Berasaskan Herba

Perawatan berasaskan herba mempunyai sejarah perkembangan yang bermula berabad lamanya. Daripada zaman purba kala sehingga ke akhir kurun ke-19, kebanyakan ubat-ubatan adalah terdiri daripada tumbuh-tumbuhan segar atau yang telah dikeringkan atau juga bahagian-bahagian tertentu tumbuhan. Ini dapat diperkuuhkan melalui penggunaan perkataan ‘*drug*’ iaitu dadah yang diambil daripada perkataan Perancis ‘*drogue*’ yang bermaksud ‘*dried herb*’ atau herba yang dikeringkan. Sejarah perkembangan perawatan berasaskan herba dibincangkan mengikut peringkat-peringkat tertentu untuk menunjukkan kesinambungan setiap amalan perawatan yang dilakukan yang diperturunkan dari satu zaman ke zaman yang lain sehingga kepada pengaruhnya kepada amalan perawatan berasaskan herba yang wujud dinegara kita.

2.3.2.1 Zaman Batu Baru (8,000 S.M. hingga 5,000 S.M.)

Peringkat ini merupakan peringkat permulaan bagi semua perkembangan perawatan berasaskan herba kerana ia merupakan peringkat manusia mula mempelajari pelbagai perkara untuk meneruskan hidup. Pada peringkat ini, merupakan peringkat peralihan daripada zaman paleolitik kepada zaman neolitik iaitu peralihan daripada aktiviti awal pengumpulan makanan kepada penghasilan sendiri bahan makanan yang menjadi keperluan asas manusia. Pada zaman peralihan ini juga, pelbagai senjata telah dihasilkan daripada batu-batuhan untuk digunakan sebagai alatan membersihkan hutan bagi tujuan pertanian. Masyarakat neolitik ini juga telah mengumpul serta menanam pelbagai jenis tanaman termasuk tanaman-tanaman yang mempunyai pelbagai nilai

perubatan (*Papaver somniferum* L., *Sambucus ebulus* L., *Fumaria officinalis* L., *Verbena officinalis* L., *Saponaria officinalis*, *Menyanthes trifoliata* L.)⁹. Selain itu, penemuan tiga jenis tumbuhan iaitu *marshmallow root*, *hyacinth* dan *yarrow* yang terselit disekitar tulang seorang lelaki Zaman Batu di Iraq menunjukkan sejarah tanaman herba yang amat lama kerana ketiga-tiga tumbuh-tumbuhan ini masih digunakan untuk perawatan sehingga ke hari ini¹⁰.

Di dalam sejarah perawatan berasaskan herba, kaum wanita menyediakan makanan serta ramuan ubatan untuk perawatan kerana kaum wanita secara umumnya mengamalkan perawatan berasaskan herba berdasarkan pada aktiviti yang dijalankan oleh mereka pada setiap hari, begitu juga dengan menjaga ahli keluarga atau anggota masyarakat yang sakit. Selain itu, manusia pada zaman neolitik ini telah memperolehi ilmu pengetahuan mengenai perawatan berasaskan herba berdasarkan daripada pemerhatian terhadap tingkah-laku haiwan. Sebagai contoh, cimpanzi adalah merupakan haiwan yang dikenalpasti sebagai mempunyai keistimewaan memilih jenis-jenis tanaman yang digunakan bagi merawat penyakit yang dihidapi. Cara ini telah diguna pakai oleh generasi seterusnya termasuk masyarakat awal dinegara kita yang juga menggunakan kaedah yang sama dalam mengenali pelbagai spesies tanaman herba ubatan.

Perawatan pada masa ini, lebih banyak menumpu kepada penggunaan pemujaan, sihir, serta kepercayaan bahawa kuasa ghaib yang mempunyai perkaitan dengan alam telah

⁹ Hobbs, Christopher. **An Outline of The History of Herbalism An Overview and Literature Resource List** dalam http://www.gaiagarden.com/articles/history_herbal_medicine.html

¹⁰ Zand, Janet. **Herbal Medicine** dalam http://www.darcynat.com/world_herb_approach.htm

mempengaruhi kesihatan mereka dengan memberikan penyakit-penyakit tertentu yang juga memerlukan penyembuhan daripada alam seperti penggunaan sumber-sumber alam semulajadi termasuk tumbuh-tumbuhan. Kepercayaan dan amalan seumpama ini juga menjadi sebahagian daripada amalan masyarakat awal di negara kita sebelum kedatangan agama Islam. Keadaan ini menjadi amalan berterusan sehingga ke zaman Egypt sekitar 2,500 S.M., apabila cara perubatan moden mula digunakan, dan diterima seiring dengan kepercayaan agama yang dianut pada masa itu.

2.3.2.2 Egypt

The Secret Book of the Heart yang berkaitan dengan sejarah Egypt telah menyatakan bahawa terdapat 3 kumpulan ahli perawatan (*healers*) pada masa itu, iaitu paderi, tabib dan ahli sihir¹¹. Dokumen tertua yang telah diterjemahkan adalah *Kahun Medical Papyrus* iaitu sekitar 1,900 S.M. berkaitan dengan kesihatan kaum wanita, termasuklah cara-cara untuk perawatan ketika melahirkan anak. Diantara tanaman herba yang sering digunakan oleh masyarakat Egypt adalah seperti *thyme*, *juniper*, *acanthus*, *papyrus*, *saffron*, *sycamore*, bawang, inai, lidah buaya, bawang putih, kunyit, tembikai, tanaman poppi, serta pelbagai jenis tanaman herba lagi¹². Ada diantara tanaman-tanaman ini juga telah digunakan dengan meluas dalam perawatan berdasarkan herba di negara kita oleh kaum Melayu, Cina dan India seperti kunyit, bawang putih, inai dan juga lidah buaya.

¹¹ Ibid

¹² Ibid

Rekod yang dikumpul berkaitan Raja Hammurabi, Babylon sekitar tahun 1,800 S.M. adalah termasuk arahan-arahan untuk menggunakan tumbuh-tumbuhan ubatan. Hammurabi telah mencadangkan penggunaan daun pudina untuk merawat gangguan sistem penghadaman. Daripada kajian moden yang telah dijalankan, mengesahkan bahawa pudina mampu melegakan kesan kemualan dan muntah dengan cara merawati bahagian dalaman perut¹³. Masyarakat pelbagai kaum di negara kita juga, menggunakan pudina dengan meluas sebagai satu tanaman ubatan untuk merawat pelbagai penyakit termasuk penyakit yang membabitkan sistem penghadaman.

2.3.2.3 Greek dan Rom

Peringkat zaman Greek dan Rom merupakan suatu peringkat yang penting kerana ia merupakan peringkat yang menjadi asas rujukan bagi kebanyakan zaman selepas itu terutamanya Barat. Kebanyakan pengetahuan berkaitan tanaman ubatan pada peringkat zaman ini dikembangkan dan diteruskan sehingga ke hari ini termasuklah amalan yang dipraktikkan dinegara kita sejak dari dahulu lagi. Kebanyakan daripada ilmu pengetahuan awal berkaitan perubatan masyarakat Greek datang daripada pengaruh Egypt. Pada sekitar 490 S.M., Hippocrates, iaitu ‘Bapa Perubatan’, menggunakan perawatan semulajadi yang mudah seperti penggunaan cuka, madu, herba-herba serta terapi menggunakan air (*hydrotherapy*) dalam perawatannya. Banyak daripada hasil kerja Hippocrates telah dapat diselamatkan dan diterjemahkan daripada bahasa Greek asal. Antara hasil tulisannya yang menarik minat pengamal perawatan berasaskan herba

¹³ Ibid

hari ini ialah *The Medicine of Hippocrates* yang diterjemahkan oleh Dierbach kedalam bahasa Jerman. Kesemua 257 jenis ubatan yang tersenarai di dalam buku ini dibandingkan dengan tulisan moden berkaitan farmakologi oleh Riddle. Berdasarkan kajian yang dibuat ini, hanya sebanyak 27 jenis daripada 257 jenis ubatan yang tidak disenaraikan sebagai tumbuh-tumbuhan ubatan pada hari ini, dan ada diantaranya, sekarang ini dianggap sebagai makanan¹⁴. Hippocrates belajar tentang herba-herba ubatan daripada peninggalan orang-orang Egypt dan selepas kematiannya, ilmu pengetahuan ini telah diperturunkan kepada Aristotle.



Rajah 2.1 Hippocrates (468 S.M. – 377 S.M.)

Aristotle adalah merupakan seorang ahli pengkaji sumber semulajadi (*naturalist*) dan pengajar kepada *Alexander the Great*. Bersama-sama ekspedisi tentera, beliau telah mengembara ke banyak tempat serta mengumpulkan pelbagai jenis herba dan mempelajari tentang herba-herba ini daripada doktor atau ahli perubatan yang menjadi tawanan perang. Salah seorang daripada muridnya, Theophrastus (372 – 278 S.M.), telah memperkembangkan hasil-hasil kerja Aristotle, dan telah menghasilkan dua buah buku yang dikenali sebagai *The History of Plants* dan *Reasons for Plants*. Beliau telah mengkaji lebih daripada 500 jenis tumbuhan daripada Lembah Mediterranean dan mengkategorikan setiap tumbuhan secara saintifik. Beliau juga turut membincangkan

¹⁴ Ibid.


nilai-nilai perubatan tumbuh-tumbuhan tersebut secara terperinci selain cara penggunaan, penanaman dan pelbagai pemerhatian lain. Selain daripada dua buah bukunya yang telah dinyatakan, Theophrastus turut menghasilkan sebuah buku *Inquiry into Plants* yang telah berjaya diselamatkan dan diterjemahkan kedalam bahasa Inggeris¹⁵.

Seorang lagi tokoh perubatan terkenal Greek adalah Dioscordes, yang telah menghasilkan tulisan berkaitan tumbuh-tumbuhan herba iaitu *Peri hulas iatrikes (About Medicinal Trees)* dalam tahun 1 M. yang kemudiannya telah diterjemahkan sebagai *De Materia Medica*, dan terdapat diantara penyakit dan cara perawatan yang digunakan di dalam hasil tulisannya menyamai isi kandungan yang terdapat didalam *Papyrus Ebers* oleh orang-orang Egypt. Dioscordes merupakan seorang ahli perubatan di dalam ekspedisi tentera Nero dan beliau telah mengembara ke banyak tempat sambil mengumpul, mengkaji dan menggunakan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan. Selain itu, beliau telah merekodkan penggunaan pelbagai jenis tumbuhan herba oleh penduduk tempatan di tempat yang dilawatinya. Hasil kerjanya telah membawa sumbangan yang besar kepada generasi seterusnya kerana hasil kerja beliau telah di ulang cetak beberapa kali serta dikaji selama hampir 1,600 tahun lamanya. Manuskrip terawalnya yang berjaya diselamatkan ialah *Codex Vindobonensis* dari tahun 512 M. Hasil kerjanya ini diilustrasikan dengan hampir 400 muka penuh plat-plat gambar lukisan tangan berwarna¹⁶.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid.

Seorang lagi ahli perubatan yang berpengaruh di dalam zaman ini merupakan Claudius Galen (131 M. – 200 M.). Galen bermula sebagai ahli perubatan kepada wira-wira perang (*gladiators*), kemudian beliau telah menjadi seorang ahli perubatan persendirian kepada Marcus Aurelius. Galen telah memperkenalkan idea tentang empat cabang utama dengan perwakilan panas, sejuk, basah dan kering bagi setiap cabang dan keseimbangan sempurna iaitu kesihatan optimum pada tengah cabang. Beliau telah mengklasifikasikan semua tumbuh-tumbuhan dan penyakit kedalam empat kategori ini dan mencadangkan penggunaan pertentangan untuk menyeimbangkannya. Teori Galen ini telah diterima sebagai pengetahuan perubatan yang rasmi diseluruh Eropah sehingga beberapa ratus tahun lamanya.



Rajah 2.2 Teori Keseimbangan Galen

(sumber : http://herbwisdom.tripod.com/herbal_history/)

Teori Galen ini juga mempunyai persamaan dengan cara perawatan yang diamalkan oleh masyarakat Cina iaitu melalui Prinzip Ying dan Yang yang menyeimbangkan antara penyakit dan penawar yang digunakan. Selain itu, peringkat ini telah

menyumbangkan banyak pengaruh kepada perubatan Barat yang telah mengkaji segala ilmu yang telah diperkenalkan oleh Greek dan Rom dan diterapkan kedalam perubatan Barat sebelum ia kemudiannya diserapkan kenegara-negara lain yang dijajahi Barat selepas itu termasuk Tanah Melayu.

2.3.2.4 Tamaddun Islam

Orang-orang Islam amat berminat kepada bidang pertanian dan perubatan. Muhammad ibnu Zakariya al-Razi dan Abu Ali ibnu Sina adalah contoh dua orang pakar dalam bidang ilmu ini. Buku tulisan hebat Ibnu Sina berkaitan perubatan, *The Canon of Medicine*, dipercayai merupakan buku atau kitab yang paling berpengaruh dalam sejarah perubatan. Ia merupakan bahan rujukan utama untuk suatu jangkamasa yang lama bagi kedua-dua Timur dan Barat, sehingga ke hari ini. Ibnu Sina juga telah mengkaji hasil yang dibuat oleh Galen berkaitan pertembungan kuasa dua kutub yang bertentangan dan mengukuhkan lagi teori Galen dengan menggunakan rujukan pertentangan tumbuh-tumbuhan untuk merawat penyakit sebagai positif dan penyakit yang dihadapi oleh seseorang sebagai negatif.

Hasil tulisan Arab yang menceritakan secara menyeluruh tentang penawar bagi racun telah ditulis dalam tahun 1270 M. (669 H) di Syria oleh 'Ali ibn 'Abd al-'Azim al-Ansari. Karya tersebut memberikan maklumat mengenai pembelajaran perubatan dinegara yang terlibat di dalam Perang Salib serta tumbuh-tumbuhan yang digambarkan oleh al-Ansari sebagai telah ditemui di Syria pada waktu tersebut. Selain itu, al-Ansari telah menggabungkan kedalam kajiannya pelbagai pernyataan maklumat daripada

sumber-sumber rujukan yang lain berkaitan tumbuh-tumbuhan dan penawar-penawarnya. Diantara tulisan-tulisan ini ialah hasil tulisan seorang ahli perubatan Egypt sekitar kurun ke-10 iaitu al-Tamimi dan ahli perubatan Syria iaitu Rashid al-Din al-Mansur ibn al-Suri, yang telah meninggal dunia pada tahun 1243 M. (641 H.). Ibn al-Suri telah menghasilkan ilustrasi tanaman-tanaman herba daripada tumbuh-tumbuhan yang ditemui dan diperhatikan dalam perjalannya. Kedua-dua hasil kerja berkaitan ilustrasi tanaman-tanaman herba oleh Ibn al-Suri dan penerangan lengkap tentang penawar-penawar oleh al-Tamimi telah hilang, dan ini menyebabkan hasil kerja oleh al-Ansari menjadi satu-satunya sumber maklumat berkaitan tumbuh-tumbuhan dan penawarnya untuk rujukan hari ini.

Manuskrip terbesar dan paling popular berkaitan hal-hal perubatan adalah hasil tulisan oleh Ibn al-Baytar yang telah menjadi '*Chief of Botanists*' pada separuh pertama kurun ke-13. Hasil tulisannya di dalam bahasa Arab iaitu, *Kitab al-Jami 'li-mufradat al-adwiyah wa-al-aghdhiyah (The Comprehensive Book on Materia Medica and Foodstuffs)*, merupakan panduan mengikut abjad melebihi 1400 sampel yang diambil daripada pemerhatiannya sendiri serta daripada 150 sumber bertulis yang lain.



Rajah 2.3 Muka hadapan Kitab *al-jami 'li-mufradat al-adwiyah wa-al-aghdhiyah (The Comprehensive Book on Materia Medica and Foodstuffs)*. oleh Ibn al-Baytar (1248 M. / 646 H.)

(sumber : http://www.nlm.nih.gov/exhibition/islamic_medical/image)

Di dalam bidang berkaitan dengan hal-hal perubatan dan aplikasi penggunaanya, penulis-penulis Islam mendahului penulis-penulis awal, dan sebab utamanya adalah kerana sempadan geografi yang lebih luas telah membawa mereka kepada penemuan ubat-ubatan yang tidak diketahui oleh masyarakat terdahulu, seperti kapur barus, sebatian dengan bauan yang kuat daripada kelenjar rusa jantan atau *musk*, daun-daun tumbuhan tropika yang dikeringkan atau *senna* dan *sal ammoniac*. Di dalam hasil-hasil kerja masyarakat Arab kemudiannya, ubat-ubatan yang digunakan adalah yang datang dari tempat sejauh China, Asia Tenggara, Himalaya, Selatan India dan Afrika. Ini menunjukkan pengaruh pelbagai negara yang mempelbagaikan lagi jenis-jenis tanaman herba yang digunakan untuk pelbagai tujuan perawatan¹⁷.


2.3.3 Perawatan Tradisional di Malaysia

Setiap suku kaum mempunyai kaedah atau cara perawatan penyakit yang tersendiri. Ia banyak bergantung kepada amalan, kepercayaan dan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh sesebuah kaum itu. Selain daripada mentera, sembahyang serta amalan-amalan lain, manusia juga menggunakan pelbagai sumber lain, terutamanya tumbuhan dan haiwan, disekeliling mereka. Berdasarkan kepada pengalaman dan pemerhatian ber generasi, mereka mampu mengenalpasti keberkesanan sesuatu amalan.

Sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu, perawatan tradisional Melayu terutamanya, banyak dipengaruhi oleh kepercayaan dan amalan yang dibawa oleh

¹⁷ National Library of Medicine. **Islamic Culture and the Medical Arts** dalam http://www.nlm.nih.gov/exhibition/islamic_medical/

masyarakat luar pada ketika itu. Antara pengaruh yang besar adalah pengaruh Hindu. Daripada kesusateraan Melayu dan cerita-cerita rakyat, menunjukkan bahawa zaman sebelum kedatangan Islam, masyarakat Melayu memuja Tuhan yang diasaskan oleh agama Hindu dan Buddha. Pengaruh agama Hindu dan Buddha yang amat ketara di dalam perawatan tradisional Melayu ialah dalam penggunaan mentera yang dibaca sewaktu merawat pesakit. Kebanyakan mentera-mentera yang dibaca mempunyai pertalian yang kuat dengan alam seperti Mambang Angin, Tanah dan Air. Bagi masyarakat Melayu dahulu, Tok Batara Guru, dianggap sebagai Tuhan sebelum kedatangan agama Islam, dan ia sangat berkuasa dan namanya dijadikan sebahagian daripada mentera yang dibaca. Satu lagi contoh pengaruh yang jelas ialah penggunaan kemenyan semasa perawatan yang merupakan pengaruh daripada agama Buddha.



Rajah 2.4 Pengaruh Islam dari China ke Tanah Melayu

(sumber : <http://www.geocities.com/Tokyo/Flats/3795>)

Amalan pemujaan di dalam perawatan tradisional ini telah mula ditinggalkan dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu sekitar kurun ke-15. Agama Islam yang dibawa oleh pedagang-pedagang China dan India telah mengubah bentuk amalan perawatan tradisional yang dijalankan. Pedagang-pedagang ini turut membawa bersama mereka pelbagai tanaman ubatan yang hidup subur di negara kita. Selain daripada penggunaan

pelbagai sumber tumbuh-tumbuhan untuk perawatan, mentera serta jampi telah digantikan dengan ayat-ayat suci al-quran dan upacara pemujaan telah digantikan dengan solat hajat serta berdoa. Bagi masyarakat dahulu, perawatan tradisional dipandang tinggi dan dihormati. Ini dapat dilihat dengan jelas daripada penghormatan yang diberikan kepada bomoh, mak bidan, tok mudin serta dukun. Golongan pengamal ini dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk menjaga kesihatan masyarakat secara keseluruhannya. Namun begitu, perubahan masa menjadikan perawatan tradisional di Malaysia pada hari ini adalah lebih tertumpu kepada golongan masyarakat yang tinggal di desa.

Di Malaysia juga, terdapat perawatan tradisional masyarakat Cina. Ini dapat dilihat daripada kewujudan kedai-kedai ubat Cina yang lebih dikenali sebagai Kedai Sinseh. Di dalam kedai ini dapat ditemui pelbagai jenis tanaman herba ubatan tempatan atau di import. Sinseh dilatih di dalam pelbagai aspek perawatan tradisional Cina. Falsafah, teori dan amalan dalam perawatan Cina adalah berasal daripada Tanah Besar China dan telah digunakan sejak berkurun lamanya. Di Malaysia, terdapat lebih kurang seribu buah kedai sinseh dan hampir separuh daripadanya adalah ahli Persatuan Perawatan Cina¹⁸. Masyarakat India juga mempunyai perawatan tradisionalnya yang tersendiri yang dikenali sebagai perawatan Ayurvedic. Ayurvedic adalah suatu bentuk perawatan India bagi penjagaan kesihatan dan kesejahteraan hidup. Pengamal perawatan tradisional India dikenali sebagai Guru atau Mahaguru. Antara amalan yang terdapat di dalam perawatan Ayurvedic selain daripada penggunaan pelbagai tanaman ubatan ialah kaedah meditasi atau *mananam* untuk menghilangkan tekanan. Ahli perubatan di

¹⁸ Muhamad Zakaria & Mustafa Ali Mohd. (1994). *Traditional Malay Medicinal Plants*. F.Bakti. m/s 6

seluruh dunia hari ini menganggap perawatan Ayurvedic sebagai suatu sistem perawatan yang telah sebatи dengan penggunaan sumber alam yang digabungkan dengan meditasi dan cara hidup yang sihat.

2.3.4 Pengamat Perawatan Berasaskan Herba

Para pengamat perawatan berasaskan herba merupakan golongan yang banyak mempunyai pengetahuan berkaitan tumbuh-tumbuhan serta nilai perubatannya. Ini adalah kerana pertalian yang rapat antara golongan ini dengan tumbuh-tumbuhan sebagai sumber perawatan mereka. Setiap kaum samada Melayu, Cina atau India mempunyai golongan pengamat perubatannya yang tersendiri. Bagi masyarakat Melayu, pengamat perawatan berasaskan herba atau pengamat perubatan tradisional boleh ditemui pada kebiasaannya dikawasan kampung. Ini adalah kerana kebanyakan daripada mereka ini adalah terdiri daripada warga tua yang telah mewarisi ilmu perawatan daripada ibu bapa mereka dahulu atau berdasarkan pengetahuan yang diperolehi daripada pengamat-pengamat yang lain.

Terdapat beberapa panggilan atau gelaran berbeza yang diberikan kepada para pengamat perawatan tradisional ini. Diantara nama panggilan yang digunakan adalah seperti Bomoh, Dukun, Sensei, Tok Mudin dan Mak Bidan. Setiap pengamat ini mempunyai fungsi dan tugas yang berbeza dan merupakan golongan yang penting bagi kesihatan dan keharmonian penduduk dikampung. Namun begitu, pada kebiasaannya bomoh dan dukun adalah digunakan untuk individu yang sama. Bomoh menggunakan tumbuh-tumbuhan seperti buah limau nipis di dalam mengenalpasti penyakit seseorang

disamping kaedah-kaedah lain. Kebanyakan ubatan yang diberikan oleh bomoh adalah berasaskan kepada tumbuh-tumbuhan seperti akar-akar kayu, daun serta bahagian-bahagian tumbuhan yang lain. Ubatan yang diberikan oleh bomoh adalah mempunyai sifat-sifat yang bertentangan dengan penyakit yang dihidapi. Sebagai contoh, sekiranya penyakit yang dihidapi adalah panas, ubatan yang diberikan adalah yang boleh memberikan kesan penyejukan. Walaupun kaedah yang digunakan dilihat sebagai mudah, namun begitu bomoh perlu melalui proses penyucian hati yang panjang untuk membolehkannya mencapai tahap kerohanian yang tinggi dan dapat mengenalpasti penyakit dengan tepat¹⁹.

Selain itu, Tok Mudin juga merupakan seorang pengamal perawatan tradisional yang menggunakan ubatan daripada tumbuh-tumbuhan. Beliau yang menjalankan upacara bersunat dikalangan kanak-kanak lelaki menggunakan ramuan akar pokok tertentu untuk menghentikan pendarahan dan mengelakkan jangkitan. Diantara ramuan yang digunakan ialah akar pokok Jerman, gelenggang besar, kecubung dan inai.

Seorang lagi pengamal perawatan tradisional yang berpengaruh ialah Bidan. Beliau memainkan peranan yang penting di dalam merawat serta menasihati kaum wanita berkaitan hal-hal kewanitaan, iaitu hampir menyamai tugas seorang jururawat. Bidan pada kebiasaannya mendapat kemahirannya daripada pengamal perawatan tradisional yang lain, warisan atau daripada pengalamannya sendiri. Bidan bertanggungjawab semasa wanita mengandung, semasa kelahiran bayi, di dalam tempoh pantang dan pada waktu-waktu lain juga. Beliau menyediakan ramuan ubat-ubatan daripada pelbagai

¹⁹ Ibid